



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

16 RAMADAN 1447H/ 06 MAC 2026M

“NUZUL AL-QURAN: ANUGERAH TERAGUNG”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

...وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيِينًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT meninggikan darjat kita di sisi-Nya sebagai hamba yang bertakwa. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual, bermain telefon atau tidur. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: ***“Nuzul Al-Quran: Anugerah Teragung.”***

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Al-Quran merupakan mukjizat besar yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia. Kehebatan bahasanya, keindahan ayatnya dan keunggulan isi kandungannya menjadikan al-Quran tidak mampu ditandingi sehingga tiada manusia yang berupaya untuk mencipta setanding dengannya walaupun beberapa ayat pendek. Kita dituntut untuk sentiasa membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan al-Quran agar ia menjadi panduan dan rujukan utama dalam menjalani kehidupan seharian. Al-Quran bukan sekadar untuk dibaca dengan lisan, tetapi hendaklah dihayati dengan hati serta diterjemahkan melalui perbuatan. Al-Quran merupakan panduan hidup yang lengkap. Kandungannya menjelaskan perkara yang berkaitan akidah, ibadah, akhlak, muamalat, kekeluargaan dan pemerintahan. Segala prinsip asas kehidupan telah digariskan dalam kandungannya sepertimana firman Allah SWT yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah sebentar tadi melalui surah al-Nahl, ayat 89 yang **bermaksud**: “...*Dan Kami turunkan kepada kamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan bagi orang Islam.*”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Peristiwa agung Nuzul al-Quran yang berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan tahun Ke-41 daripada kelahiran Rasulullah SAW, merupakan detik bersejarah yang membawa sinar hidayah kepada seluruh umat manusia. Ketika itu, manusia tenggelam dalam kegelapan jahiliah, kerosakan akidah, keruntuhan akhlaknya dan kepincangan kehidupannya. Dengan turunnya wahyu pertama, bermulalah perubahan besar dalam sejarah peradaban manusia. Zaman yang diselubungi kegelapan syirik, kezaliman dan kesesatan bertukar wajah dengan cahaya Iman dan Islam. Era kebatilan dan penindasan digantikan dengan

kebenaran, keadilan dan kesejahteraan. Manusia yang sebelumnya menjadikan hawa nafsu sebagai sembah dan ukuran kehidupan, kini dipandu untuk tunduk dan menyembah Allah SWT Yang Maha Esa. Jiwa yang kosong tanpa pedoman, dipimpin oleh wahyu Ilahi serta berupaya membina tamadun berteraskan tauhid dan akhlak yang mulia. Antara contoh yang paling jelas tentang kekuatan hidayah al-Quran ialah kisah Saidina Umar al-Khattab *radiallahuanhu*. Sebelum memeluk Islam, beliau dikenali sebagai seorang yang tegas, berwatak keras dan termasuk dalam golongan yang sangat memusuhi dakwah Rasulullah SAW. Hatinya dipenuhi kemarahan terhadap ajaran Islam yang dianggap menggugat pegangan dan tradisi masyarakat Quraisy.

Namun, Allah SWT telah menentukan jalan hidayah buat dirinya, ketika Saidina Umar *radiallahuanhu* mendengar beberapa ayat daripada surah Taha ayat 1 hingga 5, hatinya yang keras mula luluh. Keindahan bahasa, ketinggian makna serta kebenaran mesej yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut menusuk jauh ke dalam jiwa beliau. Daripada seorang yang datang dengan niat memusuhi Islam, akhirnya beliau pulang sebagai seorang mukmin yang tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Kehidupan beliau berubah sepenuhnya, daripada penentang tegar menjadi pembela agama yang unggul, malah kemudiannya muncul sebagai antara pemimpin Islam yang paling adil dan disegani dalam sejarah. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang

mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Membaca al-Quran pada bulan Ramadan adalah amalan yang sangat dituntut, ganjaran pahalanya dilipatgandakan dan ia merupakan waktu turunnya al-Quran. Selain itu, membaca al-Quran juga menjadi peluang meraih syafaat di hari kiamat, ketenteraman jiwa, serta kemuliaan di sisi Allah SWT. Tadarus dan tadabbur sangat dianjurkan untuk keberkahan. Alunan bacaan al-Quran yang bergema melalui kelas-kelas pengajian seperti tarannum, tajwid, tafsir dan halaqah al-Quran membuktikan bahawa usaha untuk mendekati serta menghayati kalam Allah SWT sentiasa dilaksanakan oleh masyarakat kita. Hal ini, menggambarkan kesedaran umat Islam bahawa al-Quran bukan sekadar untuk dibaca, bahkan untuk difahami dan dihayati dalam kehidupan seharian. Sebagai orang beriman, kita dituntut untuk membudayakan al-Quran dalam diri dan keluarga melalui beberapa langkah yang berterusan.

Tanpa kita sedari, hari ini kita telah pun melangkah masuk ke hari enam belas dalam bulan Ramadan yang mulia. Bulan yang penuh keberkatan ini merupakan tetamu agung yang kita nanti-nantikan sepanjang sebelas bulan yang lalu. Bulan yang hadir sebagai bulan yang amat istimewa. Bulan yang dirindui, seumpama pertemuan kembali dengan insan tercinta yang lama terpisah oleh jarak dan waktu yang lama. Khatib ingin mengajak seluruh jamaah untuk bermuhasabah dan menilai diri. Apakah yang telah kita lakukan sepanjang lima belas hari Ramadan yang telah berlalu? Apakah tingkah laku kita mencerminkan rasa syukur kerana masih dipanjangkan usia untuk menikmati sebahagian daripada bulan yang mulia ini? Sudahkah kita memanfaatkan waktu rehat dan malam kita

dengan memperbanyakkan solat-solat sunat, membaca al-Quran, berzikir dan menambah amalan soleh yang lain?

Marilah kita jadikan baki Ramadan yang masih ada sebagai peluang terbaik untuk memperbaiki semua kelemahan yang ada melipatgandakan usaha dan mengumpulkan sebanyak mungkin pahala sebagai pelaburan menuju akhirat. Semoga Ramadan kali ini kita benar-benar membudayakan al-Quran dalam kehidupan, bukan sekadar di bibir, tetapi meresap ke dalam hati dan diterjemahkan melalui amal perbuatan.

SIDANG HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menyimpul khutbah pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa intipati penting bersempena dengan peristiwa agung Nuzul al-Quran:

Pertama: Penurunan al-Quran merupakan anugerah yang amat besar daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan seluruh umat Baginda. Al-Quran ialah rahmat dan cahaya petunjuk kepada sekalian alam, membimbing manusia daripada kegelapan jahiliah kepada cahaya iman dan Islam.

Kedua: Kita hendaklah membudayakan pembacaan, pemahaman dan penghayatan al-Quran dalam kehidupan seharian. Janganlah al-Quran sekadar dibaca tanpa difahami, dan janganlah hanya didekati pada bulan Ramadan semata-mata.

Ketiga: Percayalah dengan penuh keyakinan bahawa sesiapa yang mentadabbur, menghayati dan mengamalkan ajaran al-Quran, maka al-Quran itu akan menjadi pemberi syafaat kepadanya pada hari akhirat

kelak, ketika tiada lagi pertolongan melainkan dengan izin Allah SWT.
Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 1:

الرَّ كِتَبٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾

Maksudnya: “Alif, Laam, Raa'. (Inilah) Kitab yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya dengan izin Tuhan mereka, ke jalan Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami daripada sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami, limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami serta rahmati kami di sepanjang bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com